

MENILAI KEPOSITIFAN GURU DAN AMALAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH MENENGAH

*Assessing Teacher Positivity and Instructional Practices among Secondary School
Moral Education Teachers*

Mohd Hasaidi bin Hassan

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Corresponding author hasaidi.hassan@gmail.com

Received: 24 November 2024 **Revised:** 10 October 2025; **Accepted:** 14 December 2025; **Published:** 28 December 2025

To cite this article (APA): Hassan, M. H. (2025). Menilai Kepositifan Guru dan Amalan Pengajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Moral Sekolah Menengah. *Firdaus Journal*, 5(2), 100-112. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol5.2.9.2025>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri Guru Pendidikan Moral serta menguji perbezaan yang signifikan terhadap beberapa faktor seperti umur, akademik, opsyen dan pengalaman. Seramai 619 orang Guru Pendidikan Moral Sekolah Menengah Kebangsaan dari lima buah negeri di Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian. Perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22 digunakan untuk menganalisis data secara statistik deskriptif dan inferensi. Instrumen soal selidik, *Teacher Self-Efficacy for Moral Education Measure* (2008) yang diadaptasi telah digunakan bagi memperoleh data kajian. Soal selidik ini menguji dua pemboleh ubah yang meliputi efikasi sendiri positif dan efikasi sendiri amalan pengajaran. Ujian *Alpha Cronbach* menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan ($\alpha = .826$) bagi efikasi sendiri positif dan ($\alpha = .926$) bagi amalan pengajaran. Hasil kajian menunjukkan tahap efikasi sendiri positif guru lebih tinggi ($m = 3.95$) berbanding skor min efikasi sendiri amalan pengajaran guru ($m = 3.87$). Berdasarkan ujian *Kruskal - Wallis H* yang dijalankan, dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru dengan faktor umur dan akademik. Walaubagaimanapun, wujud perbezaan yang signifikan pada opsyen dan pengalaman. Kumpulan guru opsyen Pendidikan Moral memiliki nilai min yang lebih tinggi ($m = 393.46$). Disamping itu, kumpulan guru yang berpengalaman 20 tahun keatas juga mempunyai nilai min yang lebih tinggi ($m = 431.21$). Kajian ini boleh dijadikan panduan dalam menunjukkan pentingnya pengalaman dan opsyen guru dalam mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral.

Kata Kunci: efikasi sendiri, efikasi sendiri positif, amalan pengajaran, Pendidikan Moral, Ujian *Kruskal- Wallis H*

ABSTRACT

This study aims to identify the level of self-efficacy among Moral Education teachers and to examine significant differences across several factors such as age, academic background, options, and experience. A total of 619 Moral Education teachers from national secondary schools in five states in Malaysia were selected as respondents. The Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 22 was used to analyze the data using descriptive and inferential statistics. The Teacher Self-Efficacy for Moral Education Measure (2008) questionnaire, was adapted to obtain the data. This questionnaire tested two variables: teacher positivity and instructional practice. The Cronbach's Alpha test indicated that the questionnaire had reliability ($\alpha = .826$) for teacher positivity and ($\alpha = .926$) for instructional practice. The results showed that the level of positivity among teachers was higher ($m = 3.95$) compared to the mean score of instructional practice ($m = 3.87$). Based on the Kruskal-Wallis H test conducted, the findings showed no significant differences between the teachers' self-efficacy levels and factors of age and academic background. However, there were significant differences in terms of options and experience. The group of teachers with Moral Education as their teaching option had a higher mean score ($m = 393.46$). Additionally, the group of teachers with over 20 years of experience also had a higher mean score ($m = 431.21$). This study can serve as a guide in highlighting the importance of experience and teaching options in the teaching of Moral Education.

Keywords: self-efficacy, teacher positivity, instructional practice, Moral Education, Kruskal-Wallis H test

PENGENALAN

Revolusi Industri 5.0 (IR 5.0) membawa paradigma baharu yang menekankan integrasi teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik dengan nilai-nilai kemanusiaan. Perhatian yang lebih besar terhadap aspek moral dan etika dalam membuat keputusan tentang penggunaan teknologi (Murphy et al., 2022), menjadikan Pendidikan Moral lebih penting daripada sebelumnya. Salah satu implikasi utama IR 5.0 adalah keperluan untuk mengintegrasikan teknologi dengan prinsip moral dan etika yang kukuh dalam sistem pendidikan. Penekanan terhadap pendidikan yang holistik dan berpusatkan nilai adalah penting untuk memastikan bahawa teknologi digunakan secara bertanggungjawab dan beretika (Mohamed Hashim et al., 2024). Jika dilihat dari konteks negara Malaysia, Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Ini menunjukkan bahawa Pendidikan Moral boleh menjadi medium utama dalam menekankan tanggungjawab moral dan etika. Pembelajaran teradun, yang menggabungkan kaedah pengajaran konvensional dengan teknologi dalam talian, dianggap sebagai kaedah pembelajaran yang berkesan untuk generasi digital, menawarkan pendekatan yang fleksibel dan menarik yang memenuhi pelbagai keutamaan pembelajaran (Nadarajan, 2021).

Efikasi guru, terutamanya efikasi sendiri, adalah penting dalam menentukan kejayaan hasil pembelajaran meliputi menerapkan tanggungjawab moral dan etika, terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Menyedari bahawa efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam membentuk amalan pengajaran yang berkesan, terdapat beberapa faktor seperti umur, latar belakang akademik, opsyen pengajaran, dan pengalaman yang mempengaruhi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral.

Penelitian terkini menunjukkan bahawa efikasi sendiri guru dipengaruhi oleh faktor kontekstual dan demografi, yang mungkin meningkatkan atau mengurangkan keberkesanan pengajaran mereka (Klassen & Tze, 2014). Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan bukti empirikal tentang bagaimana faktor khusus seperti pengalaman mengajar dan pengkhususan subjek Pendidikan Moral mempengaruhi efikasi sendiri, terutamanya dalam konteks Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi memberi maklumat yang penting terhadap guru Pendidikan Moral dalam meningkatkan amalan pengajaran mereka dan efikasi sendiri secara keseluruhan. Oleh yang demikian adalah perlu untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada efikasi sendiri guru Pendidikan Moral di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap efikasi sendiri dalam kalangan guru Pendidikan Moral dan serta mengkaji faktor umur, latar belakang akademik, opsyen pengajaran, dan pengalaman terhadap efikasi sendiri mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Efikasi sendiri guru, yang ditakrifkan sebagai kepercayaan guru terhadap kemampuan mereka untuk mengajar dengan berkesan dan mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar, telah banyak dikaji kerana kesannya terhadap amalan pendidikan dan pencapaian pelajar (Tschannen-Moran & Woolfolk Hoy, 2001). Dalam konteks Pendidikan Moral, pendidik bertanggungjawab membimbing perkembangan etika dan moral pelajar.

Objektif Kajian

Terdapat dua objektif dalam kajian ini iaitu:

1. Mengetahui tahap efikasi sendiri Guru Pendidikan Moral di Malaysia.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru terhadap faktor umur, akademik, opsyen dan pengalaman.

Kerangka Teori Kajian

Menurut Narvaez, Vaydich, Turner dan Khmelkov (2008), efikasi sendiri bagi Pendidikan Moral merujuk kepada kepercayaan dan usaha guru Pendidikan Moral dalam memperbaiki karakter dan tingkah laku moral murid di sekolah.

Bandura (1982) pula menjelaskan bahawa teori efikasi sendiri adalah teori yang berkaitan tentang motivasi keyakinan diri. Teori efikasi sendiri membincangkan aspek berkaitan keyakinan dan kemampuan seseorang individu melaksanakan tugas dengan cemerlang. Menurut Bandura (1982), tahap efikasi sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian. Hal ini bermaksud, jika semakin tinggi tahap efikasi sendiri maka semakin tinggi pencapaian individu. Teori ini menjelaskan bahawa efikasi sendiri merupakan inti kepada kecekapan, kemahiran, kompetensi atau prestasi mantap yang dimiliki oleh individu (Bandura, 1986). Antara ciri-ciri dalam efikasi sendiri positif guru dalam amalan pengajaran ialah membantu pembelajaran murid, mewujudkan hubungan guru murid yang positif dan juga memupuk perwatakan bermoral dalam kalangan murid. Efikasi sendiri juga menumpukan kepada pelbagai faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru, seperti umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, dan opsyen pengajaran tertentu (Bandura, 1997).

Efikasi Kendiri Guru

Kajian terkini menekankan kepentingan efikasi sendiri dalam keberkesanan pengajaran. Awang et al. (2023) menjalankan kajian dalam pelbagai konteks pendidikan, mendapati bahawa guru mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi cenderung untuk menggunakan pakai kaedah pengajaran yang inovatif. Dengan berlakunya peredaran masa, guru bukan sahaja memerlukan pengetahuan tentang kandungan dan pedagogi, tetapi mereka juga perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi terhadap kemampuan pengajaran dan pembelajaran mereka (Gordon et al., 2024). Kajian Mohd Hasaidi & Nadarajan (2018) mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Moral menunjukkan tahap efikasi sendiri yang tinggi dalam pengajaran nilai-nilai moral, namun menghadapi cabaran dalam menguruskan pelajar yang pelbagai dari segi latar belakang etnik dan agama (Tan et al., 2018). Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat keyakinan tinggi dalam aspek tertentu pengajaran, terdapat juga keperluan untuk sokongan yang lebih besar dalam mengendalikan pelbagai cabaran kontekstual.

Umur dan Efikasi Kendiri Guru

Hubungan antara umur dan efikasi sendiri guru telah dibahas dalam literatur. Woodcock et al. (2022) berpendapat bahawa guru yang lebih berumur cenderung mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi disebabkan oleh pengalaman. Dapatan ini disokong oleh Norazan (2023) mendapati terdapat perbezaan signifikan pada tahap efikasi sendiri guru berdasarkan faktor umur. Walaubagaimanapun, Duan et al. (2024) mendapati bahawa umur kurang menjadi faktor berbanding dengan pemboleh ubah lain seperti pengalaman mengajar. Ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dan umur. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa semakin tinggi pengalaman bekerja guru, maka semakin tinggi efikasi sendiri mereka.

Kelayakan Akademik dan Efikasi Kendiri

Kelayakan akademik telah dihipotesiskan mempengaruhi efikasi sendiri guru, terutamanya dalam subjek khusus seperti Pendidikan Moral. Orakcı et al. (2023) menyatakan bahawa kelayakan akademik yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan PHD akan meningkatkan efikasi sendiri dengan menyediakan pengetahuan kandungan yang lebih mendalam dan kemahiran pedagogi. Namun, dalam kajian yang dijalankan oleh Mulok & Yunus (2020), kelayakan akademik tidak memberi kesan yang signifikan terhadap efikasi sendiri dalam kalangan guru. Andoh et al. (2021) juga mendapati bahawa efikasi sendiri guru menjalankan PdPc pasca pandemik Covid-19 tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.

Opsyen Pengajaran dan Efikasi Kendiri Guru

Opsyen pengajaran juga diramalkan mempunyai hubungan signifikan dengan efikasi sendiri. Hasil kajian Ping Ping et al. (2024) mendapati bahawa kompetensi guru bukan opsyen dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen belum mencapai tahap yang boleh setanding dengan guru opsyen. Justeru, Guru yang memilih Pendidikan Moral sebagai opsyen utama mereka mungkin akan menunjukkan komitmen dan keyakinan yang lebih tinggi, yang membawa kepada peningkatan efikasi sendiri. Ini disebabkan oleh penajajaran yang lebih kuat antara nilai peribadi dan kandungan pengajaran, yang meningkatkan motivasi dan keberkesanan dalam bilik darjah (Bandura, 1997).

Pengalaman dan Efikasi Kendiri

Pengalaman telah secara konsisten ditunjukkan sebagai peramal yang kuat terhadap efikasi sendiri guru. Lazarides et al. (2020) melaporkan bahawa guru dengan lebih banyak tahun pengalaman biasanya menunjukkan tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi, terutamanya dalam menangani cabaran bilik darjah dan tingkah laku pelajar. Ini disokong oleh Zee et al. (2024), yang mendapati bahawa guru yang berpengalaman diramal dapat mempunyai hubungan dalam peningkatan efikasi sendiri mereka. Dapatan ini menunjukkan pengalaman sangat signifikan dengan efikasi sendiri.

Lokasi dan Efikasi Kendiri

Kajian mengenai tahap efikasi sendiri guru terhadap lokasi juga dilaksanakan oleh beberapa pengkaji. Dapatan menunjukkan variasi yang ketara bergantung kepada konteks dan jenis sekolah. Misalnya, kajian oleh Boateng (2024) mendapati bahawa guru-guru di sekolah bandar menunjukkan tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi berbanding guru-guru di kawasan luar bandar. Kajian ini menekankan bahawa akses kepada sumber pendidikan, kelulusan profesional, dan kelulusan akademik memainkan peranan penting dalam membina efikasi sendiri guru. Kajian Taul et al. (2021) melaporkan efikasi sendiri guru dalam kalangan guru-guru di kawasan pedalaman di Sabah secara keseluruhannya menunjukkan tahap min efikasi sendiri guru yang tinggi. Ini seterusnya mencerminkan kecenderungan positif di kalangan responden terhadap keyakinan dan kemampuan mereka dalam melaksanakan tugas pengajaran serta berupaya menghadapi cabaran yang dihadapi. Kajian ini memperlihatkan ketiga-tiga dimensi efikasi sendiri yang merangkumi penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas yang menunjukkan skor min yang tinggi.

Konteks Budaya dan Efikasi Kendiri Guru

Konteks budaya dan persekitaran di mana guru bertugas juga boleh mempengaruhi efikasi sendiri mereka. Schwarzenhal et al. (2020) menekankan bahawa, di mana efikasi dipengaruhi secara kuat oleh norma budaya, efikasi sendiri guru sering dibentuk oleh kemampuan mereka untuk mengendalikan jangkaan budaya ini. Romijn et al. (2020) pula meneroka bagaimana penjajaran budaya antara persediaan peribadi guru terhadap kepelbagaian boleh meningkatkan efikasi sendiri, terutamanya apabila guru memahami secara mendalam latar belakang budaya dan etika.

Implikasi Efikasi Kendiri Guru

Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru adalah penting untuk amalan pendidikan dan pengurusan polisi. Noben (2021) mengesyorkan program pembangunan profesional yang disasarkan untuk meningkatkan efikasi sendiri, terutamanya untuk guru yang kurang berpengalaman. Selain itu, pendedahan kepada bakal-bakal guru juga perlu disasarkan. Dixon et al. (2024) menyokong pembelajaran berterusan khususnya pada bakal-bakal guru untuk mengekalkan tahap efikasi guru permulaan yang tinggi. Cadangan-cadangan ini sejajar dengan dapatan kajian, yang mencadangkan bahawa pengalaman dan opsyen pengajaran khusus adalah kunci untuk membina guru Pendidikan Moral yang berkesan. Walaupun faktor seperti umur dan kelayakan akademik mungkin tidak memberi kesan yang signifikan terhadap efikasi sendiri, pengalaman mengajar dan penjajaran dengan opsyen pengajaran tertentu memainkan peranan yang penting.

METODOLOGI

Reka Bentuk dan kajian ini adalah kajian kuantitatif yang dijalankan dalam reka bentuk penyelidikan tinjauan. Sampel kajian ini melibatkan 619 orang guru yang mengajar subjek Pendidikan Moral di lima buah negeri di Malaysia. Guru yang terlibat merupakan guru yang berumur 21 tahun hingga 51 tahun ke atas serta semua responden dipilih secara pensampelan rawak mudah. Pembahagian jantina dalam kajian ini melibatkan 144 orang guru lelaki dan 475 orang guru perempuan. Instrumen Kajian Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data adalah satu set soal selidik iaitu borang soal selidik *Teacher Self-Efficacy for Moral Education Measure (2008)* yang diadaptasi oleh penyelidik. Soal selidik tersebut terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi sampel kajian seperti jantina, umur, kelayakan akademik, lokasi sekolah, opsyen dan pengalaman mengajar. Manakala bahagian B pula mengandungi soal-selidik tentang efikasi sendiri guru Pendidikan Moral. Bahagian ini terbahagi kepada dua subbahagian iaitu efikasi sendiri positif guru dan efikasi sendiri dalam amalan pengajaran guru. Bahagian efikasi sendiri positif guru pula mempunyai 5 item dan bahagian amalan pengajaran guru pula mempunyai 12 item. Kebolehpercayaan Instrumen Indeks kebolehpercayaan bagi instrumen dinilai berdasarkan nilai alfa Cronbach bagi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral di sekolah menengah di Malaysia adalah seperti jadual 1:

Jadual 1: Nilai Alfa Cronbach bagi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral

<i>Dimensi</i>	<i>Nilai Alpha</i>
Efikasi Kendiri Positif Guru	.824
Amalan Pengajaran Guru	.925

Melalui Jadual 1 kita dapati bahawa kedua-dua dimensi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral adalah tinggi. Oleh yang demikian, boleh dirumuskan bahawa instrumen efikasi yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Secara keseluruhannya nilai aplha Cronbach adalah $\alpha = .936$. Ini menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi untuk mengukur gagasan atau pemboleh ubah dengan tepat. Nilai Alpha Cronbach yang terlalu rendah menunjukkan bahawa item-item mungkin tidak berkorelasi dengan baik antara satu sama lain, menandakan bahawa mereka mungkin tidak mengukur konsep yang sama (Nunnally & Bernstein, 2022).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 619 orang guru Pendidikan Moral dipilih secara rawak dalam kajian ini, mereka terdiri daripada 144 orang lelaki dan 475 orang perempuan. Responden juga dibahagikan mengikut lima kelompok pengalaman mengajar iaitu 1 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11-15 tahun, 16-20 tahun dan 20 tahun ke atas. Dari segi lokasi, 367 responden mengajar di kawasan bandar manakala yang selebihnya mengajar luar bandar. Pembahagian opsyen menunjukkan seramai 110 orang responden merupakan opsyen Pendidikan Moral sebagai opsyen pertama, 53 orang responden dari opsyen pendidikan moral sebagai opsyen kedua manakala 456 orang responden terdiri daripada pelbagai opsyen. Ini menunjukkan bahawa pihak sekolah masih lagi kekurangan guru yang mempunyai opsyen Pendidikan Moral. Dari segi latar belakang akademik dibahagikan kepada empat kelompok utama 10 orang berkelulusan sijil / diploma, 529 orang berkelulusan sarjana muda, 79 orang berkelulusan sarjana manakala hanya seorang yang berkelulusan ijazah kedoktoran.

Tahap Efikasi Kendiri Positif Guru Pendidikan Moral

Bagi meninjau sejauh mana tahap efikasi kendiri Guru Pendidikan Moral, skor min bagi setiap dimensi telah digunakan bagi membandingkan tahap efikasi kendiri bagi setiap dimensi. Jadual 2 bahawa skor min bagi Dimensi Efikasi Positif Guru lebih tinggi, iaitu ($m=3.95$) berbanding Dimensi Amalan Pengajaran Guru ($m=3.87$). Walau bagaimanapun, skor min keseluruhan tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Moral adalah tinggi ($m=3.89$). Dapatan ini selaras dengan kajian Mohd Hasaidi dan Nadarajan (2018) yang mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Moral di Malaysia menunjukkan tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam pengajaran nilai-nilai moral. Walaubagaimanapun dapatan tersebut menjelaskan bahawa guru-guru pendidikan moral menghadapi cabaran dalam menguruskan pelajar yang pelbagai dari segi latar belakang etnik dan agama. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat keyakinan tinggi dalam aspek tertentu pengajaran, terdapat keperluan untuk sokongan yang lebih besar dalam mengendalikan pelbagai cabaran kontekstual. Skaalvik dan Skaalvik (2022) dalam kajiannya terhadap guru-guru di Finland menyatakan bahawa guru-guru tersebut mempunyai tahap efikasi kendiri yang sangat tinggi, yang dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat terhadap peranan guru dan sokongan yang mereka terima daripada sistem pendidikan yang berpusatkan guru.

Jadual 2: Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Moral

<i>Dimensi</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>	<i>Tahap</i>
Efikasi Kendiri Positif Guru	3.95	.45	Tinggi
Amalan Pengajaran Guru	3.87	.62	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan perincian skor min bagi setiap item dalam dimensi efikasi kendiri positif guru. Secara keseluruhannya kesemua item mencatatkan tahap skor min yang tinggi. Item “saya tahu apa yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keselesaan pelajar terhadap diri mereka sebagai individu bermoral” mencatatkan min yang tertinggi, iaitu 4.05 . Walaubagaimanapun item “saya berkemampuan dalam membuatkan semua pelajar saya selesa untuk menjadi individu bermoral” merupakan item yang mencatatkan skor min terendah, iaitu 3.83.

Jadual 3: Skor Min Item Efikasi Kendiri Positif Guru

<i>Bil</i>	<i>Item</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>	<i>Tahap</i>
1	saya tahu apa yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keselesaan pelajar terhadap diri mereka sebagai individu bermoral	4.05	.55	Tinggi
2	saya tahu bagaimana untuk merangsang peraan positif terhadap kemoralan dalam kalangan pelajar di dalam kelas saya	4.04	.53	Tinggi
3	sekiranya pelajar di dalam kelas saya kelihatan tidak bermotivasi untuk menjadi individu bermoral, saya tahu bagaimana untuk membuatkan mereka menjadi positif semula	3.89	.60	Tinggi
4	saya berkemampuan dalam membuatkan semua pelajar saya selesa untuk menjadi individu bermoral	3.83	.65	Tinggi
5	saya tahu bagaimana untuk membuatkan pelajar berasa selesa menjadi individu bermoral	3.95	.58	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi 12 item dimensi efikasi sendiri amalan pengajaran guru. Item yang mempunyai min tertinggi ialah item “apabila pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami suatu konsep moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai konsep tersebut”(m=3.97). Manakala item terendah adalah item “Saya mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengajar pembangunan karakter bermoral” (m=3.75).

Jadual 4: Skor Min Item Amalan Pengajaran Guru

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	apabila pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami suatu konsep moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai konsep moral	3.97	.57	Tinggi
2	saya tahu bagaimana untuk mereka bentuk pengajaran yang mampu membantu semua pelajar menguasai kemahiran - kemahiran etika	3.78	.63	Tinggi
3	apabila pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami suatu kemahiran moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai kemahiran tersebut	3.96	.57	Tinggi
4	saya mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk mengajar pembangunan karekter bermoral	3.79	.69	Tinggi
5	saya mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengajar karakter bermoral	3.75	.69	Tinggi
6	sekiranya pelajar di dalam kelas saya terganggu dalam usaha memperkukuh kemahiran moral, saya tahu bagaimana untuk mengembalikan tumpuan mereka kepada tujuan asal	3.86	.60	Tinggi
7	saya tahu bagaimana untuk membentuk pengajaran - pengajaran moral yang dapat menarik minat pelajar	3.91	.60	Tinggi
8	saya tahu bagaimana untuk mengajar strategi yang dapat membantu pelajar membangunkan kemahiran karakter beretika	3.78	.65	Tinggi
9	saya tahu bagaimana untuk melaraskan suatu pengajaran moral berdasarkan keperluan pengajaran saya	3.89	.60	Tinggi
10	saya tahu bagaimana untuk mengajarkan strategi yang membantu pelajar mengembangkan kemahiran berkenaan insan bermoral	3.87	.61	Tinggi
11	saya tahu bagaimana untuk melaraskan pembelajaran moral bersesuaian dengan keperluan pelajar	3.91	.59	Tinggi
12	saya berkemampuan dalam meransang hubungan moral yang positif dalam kalangan pelajar di dalam kelas saya	3.95	.60	Tinggi

Perbezaan Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Moral dengan Faktor Umur, Latarbelakang Akademik, Opsyen dan Pengalaman

Ujian Kruskal-Wallis H telah dijalankan untuk membandingkan tahap efikasi guru dengan faktor umur responden. Umur responden telah dibahagi kepada empat kumpulan iaitu kumpulan 21 – 30 tahun, 31 – 40 tahun, 41 hingga 50 tahun dan 51 tahun keatas. Selang keyakinan yang ditetapkan adalah 95% bagi ujian analisis yang dijalankan. Secara keseluruhan, kumpulan umur 41 hingga 50 tahun ke mempunyai min pangkatan yang tertinggi pada tahap efikasi sendiri, dan min pangkatan terendah pada umur 31 hingga 40 tahun. Jadual 5 menunjukkan data analisis yang diperolehi daripada ujian yang dijalankan.

Jadual 5: Min bagi tahap efikasi sendiri dengan faktor umur guru Pendidikan Moral

Umur	N	Min Pangkatan
21-30 tahun	128	307.03
31-40 tahun	307	294.55
41-50 tahun	134	345.18
51 tahun keatas	50	318.23

Ujian Kruskal-Wallis H telah dijalankan untuk membandingkan tahap efikasi guru dengan faktor akademik responden. Latar belakang akademik responden telah dibahagi kepada empat kumpulan iaitu kumpulan sijil/diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan kedoktoran. Selang keyakinan yang ditetapkan adalah 95% bagi ujian analisis yang dijalankan. Secara keseluruhan, kumpulan akademik ijazah kedoktoran mempunyai min pangkatan yang tertinggi pada tahap efikasi sendiri, dan min pangkatan terendah pada faktor ijazah sarjana muda. Jadual 6 menunjukkan data analisis yang diperolehi daripada ujian yang dijalankan.

Jadual 6: Min bagi tahap efikasi sendiri dengan faktor akademik guru Pendidikan Moral

Akademik	N	Min Pangkatan
sijil/diploma	10	354.25
Ijazah Sarjana Muda	529	307.88
Ijazah Sarjana	79	315.82
Ijazah Kedoktoran	1	529.50

Ujian Kruskal-Wallis H telah dijalankan untuk membandingkan tahap efikasi guru dengan faktor opsyen. Latar belakang opsyen responden telah dibahagi kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan Pendidikan Moral sebagai opsyen pertama, pendidikan moral sebagai opsyen kedua dan lain-lain opsyen. Selang keyakinan yang ditetapkan adalah 95% bagi ujian analisis yang dijalankan. Secara keseluruhan, kumpulan opsyen pendidikan moral sebagai opsyen pertama ijazah kedoktoran mempunyai min pangkatan yang tertinggi pada tahap efikasi sendiri, dan min pangkatan terendah pada faktor opsyen ialah lain-lain opsyen. Jadual 7 menunjukkan data analisis yang diperolehi daripada ujian yang dijalankan.

Jadual 7: Min bagi tahap efikasi sendiri dengan faktor opsyen guru Pendidikan Moral

Opsyen	N	Min Pangkatan
Pendidikan Moral Opsyen Pertama	110	393.46
Pendidikan Moral Opsyen Kedua	53	340.53
Lain-lain Opsyen	456	286.32

Ujian Kruskal-Wallis H telah dijalankan untuk membandingkan tahap efikasi guru dengan faktor pengalaman. Latarbelakang pengalaman responden telah dibahagi kepada lima kumpulan iaitu kumpulan 1 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 21 tahun keatas. Selang keyakinan yang ditetapkan adalah 95% bagi ujian analisis yang dijalankan. Secara keseluruhan, kumpulan 21 tahun keatas mempunyai min pangkatan yang tertinggi pada tahap efikasi sendiri, dan min pangkatan terendah pada faktor pengalaman ialah kumpulan 1 hingga 5 tahun. Jadual 8 menunjukkan data analisis yang diperolehi daripada ujian yang dijalankan.

Jadual 8: Min bagi tahap efikasi sendiri dengan faktor pengalaman Pendidikan Moral

Pengalaman	N	Min Pangkatan
1-5 tahun	357	271.93
6-10 tahun	185	353.86
11-15 tahun	34	342.32
16-20 tahun	26	399.17
21 tahun keatas	17	431.21

Berdasarkan keputusan ujian Kruskal-Wallis H dalam jadual 9, pada tahap efikasi sendiri, keputusan ujian menunjukkan tahap efikasi sendiri dengan umur responden [$X^2(3, N = 619) = 7.69, p = 0.53$]. Disebabkan nilai $p > .05$, maka tiada perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru dengan umur. Dapatan ini berbeza dengan dapatan Woodcock et al. (2022) yang berpendapat bahawa guru yang lebih tua cenderung mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi disebabkan oleh pengalaman. Walaubagaimanapun, Duan et al. (2024) mendapati bahawa umur kurang menjadi faktor berbanding dengan pembolehubah lain seperti pengalaman mengajar. Ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dan umur. Ini selaras dengan dapatan kajian ini, di mana tiada perbezaan signifikan dalam efikasi sendiri diperhatikan di kalangan kumpulan umur yang berbeza.

Pada faktor latarbelakang akademik pula, keputusan ujian menunjukkan tahap efikasi sendiri responden dengan latar belakang akademik responden [$X^2(3, N = 619) = 2.29, p = 0.513$]. Disebabkan nilai $p > .05$, maka tiada perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru dengan umur. Dapatan ini tidak menyokong dapatan Orakci et al. (2023) yang menyatakan bahawa kelayakan akademik yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan PHD akan meningkatkan efikasi sendiri dengan menyediakan pengetahuan kandungan yang lebih mendalam dan kemahiran pedagogi. Namun, kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mulok & Yunus (2020) dan Andoh et al., (2021) yang mengesahkan bahawa kelayakan akademik tidak memberi kesan yang signifikan terhadap efikasi sendiri dalam kalangan guru. Oleh yang demikian faktor lain selain latar belakang akademik, seperti amalan pengajaran dan pengalaman, mungkin memainkan peranan yang lebih penting.

Keputusan pada tahap efikasi sendiri responden dengan opsyen mengajar responden [$X^2(2, N = 619) = 33.83, p = 0.000$]. Disebabkan nilai $p < .05$, maka terdapat perbezaan yang signifikan tahap keprihatinan responden dengan opsyen guru. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Ping Ping et al. (2024) yang mendapati bahawa kompetensi guru bukan opsyen dari aspek pengetahuan dalam pengajaran subjek Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru bukan opsyen belum mencapai tahap yang boleh setanding dengan guru opsyen, yang membawa kepada peningkatan efikasi sendiri. Ini menunjukkan faktor opsyen pengajaran sangat penting terhadap efikasi sendiri guru Pendidikan Moral.

Pada faktor pengalaman, keputusan ujian menunjukkan tahap efikasi sendiri responden dengan pengalaman mengajar responden [$X^2(4, N = 619) = 43.09, p = 0.000$]. Disebabkan nilai $p < .05$, maka terdapat perbezaan yang signifikan tahap keprihatinan responden dengan pengalaman mengajar. Dapatan kajian ini menunjukkan pengalaman

secara konsisten sebagai peramal yang kuat terhadap efikasi sendiri guru. Lazarides et al. (2020) melaporkan bahawa guru dengan lebih banyak tahun pengalaman biasanya menunjukkan tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi, terutamanya dalam menangani cabaran bilik darjah dan tingkah laku pelajar. Ini disokong Zee et al. (2024), yang mendapati bahawa guru yang berpengalaman diramal mempunyai hubungan dalam peningkatan efikasi sendiri mereka. Dapatan ini menunjukkan pengalaman sangat signifikan dengan efikasi sendiri. Dapatan kajian semasa bahawa guru dengan lebih daripada 20 tahun pengalaman mempunyai efikasi sendiri yang tertinggi adalah selaras dengan hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa kumpulan 21 tahun ke atas mempunyai min pangkatan yang tertinggi pada tahap efikasi sendiri.

Jadual 9: Keputusan Ujian *Kruskal-Wallis H* terhadap faktor

Faktor	<i>Chi-square</i>	<i>df</i>	<i>Asymp. Sig</i>
Umur	7.691	3	.053
Akademik	2.299	3	.513
Opsyen	33.830	2	.000
Pengalaman	43.096	4	.000

KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini telah memberikan maklumat yang penting tentang aspek efikasi sendiri guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Kajian ini menjelaskan bahawa efikasi sendiri guru sebagai elemen penting dalam kejayaan murid selain organisasi dan kandungan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Moral. Penekanan terhadap pendidikan yang holistik dan berpusatkan nilai adalah penting untuk memastikan bahawa generasi mutakhir ini bertanggungjawab dan beretika dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 5.0 (IR 5.0). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri Guru Pendidikan Moral serta menguji perbezaan yang signifikan terhadap beberapa faktor seperti umur, akademik, opsyen dan pengalaman. Hasil kajian menunjukkan tahap efikasi sendiri positif guru lebih tinggi ($m=3.95$) berbanding skor min efikasi sendiri amalan pengajaran guru ($m=3.87$). Berdasarkan ujian *Kruskal-Wallis H* yang dijalankan, dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri guru dengan faktor umur dan akademik. Walaubagaimanapun, wujud perbezaan yang signifikan pada opsyen dan pengalaman. Kumpulan guru opsyen Pendidikan Moral memiliki nilai min yang lebih tinggi ($m=393.46$). Disamping itu, kumpulan guru yang berpengalaman 21 tahun keatas juga mempunyai nilai min yang lebih tinggi ($m=431.21$). Kajian ini boleh dijadikan panduan dalam menunjukkan pentingnya pengalaman dan opsyen guru dalam mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Maklumat ini sangat berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, guru mata pelajaran dan pihak pentadbir sekolah seperti Pengetua dan Ketua Panitia Mata Pelajaran Pendidikan Moral untuk mengambil perhatian yang wajar dalam aspek efikasi sendiri guru. Penempatan guru mata pelajaran yang bukan opsyen Pendidikan Moral sedikit sebanyak akan menjejaskan pencapaian murid dalam mata pelajaran tersebut. Selain itu, guru yang tidak komited dan memiliki efikasi sendiri yang rendah dalam pengajaran dan pemudahcaraan juga menyebabkan matlamat Pendidikan Moral untuk melahirkan insan yang bermoral juga pincang. Guru sepatutnya menggunakan kaedah pembelajaran aktif dalam pendidikan moral bagi membangunkan kecerdasan linguistik verbal, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan muzik, kecerdasan spatial, kecerdasan kinestetik badan, kecerdasan intrapersonal, kecerdasan interpersonal, dan kecerdasan naturalistik pelajar. Pengintegrasian dan penghayatan ini dalam pembelajaran aktif secara holistik akan membentuk personaliti dan karakter pelajar dalam kehidupan sosial (Nadarajan, 2021)

RUJUKAN

- Andoh, H., Ompok, C., & Sukor, N. S. (2021). Hubungan Kelayakan Akademik dan Pengalaman Mengajar dengan Tahap Efikasi Kendiri Guru Prasekolah Menjalankan PDPC Pasca Pandemi Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 65 - 81. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1105>
- Awang, H., Baharom, N. H., Zawawi Daud, Rohayu Roddin, & Yusmarwati Yusof. (2023). Teachers' Self-Efficacy In Implementing A Culture Of Teaching And Learning Innovation. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 11(2), 110–120. <https://doi.org/10.47252/teniat.v11i2.1153>
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 37, 122 – 147.
- Bandura, A. (1986). *Social foundation of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. W.H. Freeman.
- Boateng, P. (2024). Rural and urban kindergarten teachers' self-efficacy: Implications for the implementation of the standard-based curriculum in Ghana. *International Journal of Instruction*, 17(3), 275-290. <https://doi.org/10.29333/iji.2024.17315a>
- Dixon, H., Hawe, E., & Grudnoff, L. (2024). Providing opportunities and experiences to support student teacher self-efficacy: the case for teaching as inquiry. *European Journal of Teacher Education*, 1–17. <https://doi.org/10.1080/02619768.2024.2311708>
- Duan, S., Bissaker, K. & Xu, Z. (2024). Correlates of teachers' classroom management self-efficacy: A systematic review and meta-analysis. *Educ Psychol Rev* 36, 43. <https://doi.org/10.1007/s10648-024-09881-2>
- Gordon, D., Bourke, T., Mills, R., & Blundell, C. N. (2024). Understanding how education reform influences pre-service teachers' teacher self-efficacy. *International Journal of Educational Research Open*, 7. <https://doi.org/10.1016/j.ijedro.2024.100338>
- Hassan, M. H. ., & Thambu, N. . (2018). Moral teachers' self-efficacy in secondary school: A pilot study [Efikasi kendiri guru pendidikan moral di sekolah menengah: Satu kajian rintis]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(3), 161-176. <https://www.mjsshonline.com/index.php/journal/article/view/60>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Tingkatan 1*.
- Klassen, R. M., & Durksen, T. L. (2020). Teacher self-efficacy and ethical practices in education. *Teaching and Teacher Education*, 90, 103037
- Klassen, R. M., & Tze, V. M. C. (2014). Teachers' self-efficacy, personality, and teaching effectiveness: A meta-analysis. *Educational Research Review*, 12, 59-76. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2014.06.001>
- Lazarides, R., . Watt, H. M. G, & Richardson, P. W. (2020). Teachers' classroom management self-efficacy, perceived classroom management and teaching contexts from beginning until mid-career. *Learning and Instruction*, 69. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2020.101346>
- Mohamed Hashim, M.A., Tlemsani, I., Mason-Jones, R., Matthews, R., & Ndrecanj, V. (2024). Higher education via the lens of industry 5.0: Strategy and perspective. *Social Sciences & Humanities Open*, 9. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.100828>
- Mulok, J.L. & Yunus, F. (2020). Efikasi Kendiri Guru Prasekolah Dalam Mengajar Bahasa Inggeris (Preschool Teacher's Self Efficacy in Teaching English Language). *Jurnal Dunia*, 2(2), 187-195. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd187>
- Murphy, C., Carew, P. J., & Stapleton, L. (2022). Ethical Personalisation and Control Systems for Smart Human-Centred Industry 5.0 Applications. *IFAC-PapersOnLine*, 55(39), 24-29. <https://doi.org/10.1016/j.ifacol.2022.12.005>
- Narvaez, D., Vaydich, J. L., Turner, J. C., & Khmelkov, V. (2008). Teacher self-efficacy for Moral Education: Measuring teacher self-efficacy for Moral Education. *Journal of Research in Character Education*, 6(2), 3-15.

- Noben, Ine & Deinum, Jan & Douwes-van Ark, Irene & Hofman, W.. (2021). How is a professional development programme related to the development of university teachers' self-efficacy beliefs and teaching conceptions?. *Studies in Educational Evaluation*, 68. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2020.100966>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (2022). *Psychometric theory* (4th ed.). McGraw-Hill
- Orakçı, Ş., Yüreğilli Göksu, D., & Karagöz, S. (2023). A mixed methods study of the teachers' self-efficacy views and their ability to improve self-efficacy beliefs during teaching. *Frontiers in psychology*, 13, 1035829. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1035829>
- Ping Ping, N., Ahmad, A., & Othman, N. (2024). Kompetensi Guru Bukan Opsyen Sejarah dalam Pengajaran Subjek Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 604-616. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/26440>
- Romijn, B. R, Slot, P.L, Slot, Leseman, P.P.M., & Pagani, V. (2020). Teachers' self-efficacy and intercultural classroom practices in diverse classroom contexts: A cross-national comparison, *International Journal of Intercultural Relations*, 79, 58-70. <https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2020.08.001>
- Schwarzenhal, M., Daumiller, M., & Civitillo, S. (2023). Investigating the sources of teacher intercultural self-efficacy: A three-level study using TALIS 2018, *Teaching and Teacher Education*, 126. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2023.104070>
- Tan, B. P., Mahadir Naidu, N. B., & Jamil Osman, Z. (2018). Moral values and good citizens in a multi-ethnic society: A content analysis of moral education textbooks in Malaysia. *The Journal of Social Studies Research*, 42(2), 119-134. <https://doi.org/10.1016/j.jssr.2017.05.004>
- Taul, Z., Abdullah, M. K., & Mohamed Nawi, M. M. R. (2021). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Guru dengan Prestasi Kerja dalam kalangan Guru-Guru Kawasan Pedalaman, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 352-362. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.952>
- Thambu, N. (2021). Developing higher order thinking skills through blended learning among moral education students. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(3), 808-819.
- Thambu, N., Prayitno, H. J., & Zakaria, G. A. N. (2021). Incorporating active learning into moral education to develop multiple intelligences: A qualitative approach. *Indonesian Journal on Learning and Advanced Education (IJOLAE)*, 3(1), 17-29.
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk Hoy, A. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783-805.
- Woodcock, S., Sharma, U., Subban, P., & Hitches, E. (2022). Teacher self-efficacy and inclusive education practices: Rethinking teachers' engagement with inclusive practices. *Teaching and Teacher Education*, 117. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2022.103802>
- Zee, M., de Jong, P. F., & Koomen, H. M. Y. (2024). The relational side of teachers' self-efficacy: Assimilation and contrast effects of classroom relational climate on teachers' self-efficacy. *Journal of School Psychology*, 103. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2024.101297>